

## PELAKSANAAN *SULH* DALAM ISLAM: KAJIAN TERHADAP SISTEM PERUNDANGAN SYARIAH DI MALAYSIA

### IMPLEMENTATION OF *SULH* IN ISLAM: A STUDY ON THE SYARIAH LEGAL SYSTEM IN MALAYSIA

<sup>i,iii,\*</sup>Hasnizam Hashim, <sup>i,ii</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i,ii,iii,iv</sup>Ahmad Syukran Baharuddin, <sup>i,ii</sup>Mohamad Aniq Aiman Alias, <sup>i,ii</sup>Zulfaqar Mamat, <sup>i,ii</sup>Lukman Abdul Mutalib, <sup>i</sup>Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & <sup>v</sup>Norma Jusof

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup>International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

<sup>iv</sup>Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

<sup>v</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia

\*Corresponding Author: [hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

#### Article history:

Submission date: 5 September 2024

Received in revised form: 15 October 2024

Acceptance date: 18 November 2024

Available online: 25 December 2024

#### Keywords:

Sulh, Majlis Sulh, Malaysian Syariah legal system, conflict and disputes, resolution

#### Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Alias, M. A. A., Mamat, Z., Abdul Mutalib, L., Zakiyy, N., & Jusof N. (2024). Pelaksanaan sulh dalam Islam: Kajian terhadap sistem perundangan syariah di Malaysia. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 1(2), 86-95. <https://doi.org/10.33102/zxq3zs86>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my).

#### SDG Elements:

Gender Equality Peace, Justice, and Strong Institutions



## ABSTRACT

The implementation of *sulh* in Islam plays a crucial role in resolving disputes amicably without undergoing lengthy court proceedings. History has shown that *sulh* has been practiced in the Malay world since before independence and continues to this day. As one of the conflict resolution mechanisms encouraged in Islam, there is a need to study and improve its implementation over time to ensure that it consistently achieves its intended objectives. This study aims to elucidate the concept of *sulh* in Islam, including the definitions of *sulh* and *Majlis Sulh*, the evidences supporting its legislation, several cases exemplifying its application in Islam, the pillars of *sulh*, and its implementation within the Syariah legal system or in Syariah Courts in Malaysia. This article also discusses cases eligible to be referred to *Majlis Sulh* and the role of this mechanism in promoting justice and harmony in society. A qualitative approach through document analysis was adopted, with data presented in subthemes. The study's findings reveal that the implementation of *sulh* under the Malaysian Syariah legal system, although currently limited to resolving disputes in Islamic family law, is guided by systematic procedures and regulations. Nevertheless, there is room to expand its scope over time. This study also underscores the importance of *sulh* in supporting the Sustainable Development Goals (SDGs), particularly SDG 16 (Peace, Justice, and Strong Institutions) by strengthening fair and inclusive legal institutions, and SDG 5 (Gender Equality) by addressing issues related to women's rights in family-related disputes.

## Abstrak

Pelaksanaan *sulh* dalam Islam memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pertikaian secara damai tanpa perlu melalui proses perbicaraan yang panjang. Sejarah telah memperlihatkan bahawa *sulh* telah dilaksanakan di alam Melayu sejak sebelum merdeka lagi sehinggalah ke hari ini. Sebagai salah satu mekanisme penyelesaian konflik yang dianjurkan dalam Islam, terdapat keperluan bagi mengkaji dan menambah baik pelaksanaan *sulh* dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa mencapai matlamat yang dikehendaki. Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep *sulh* dalam Islam, termasuk takrifan *sulh* dan *Majlis Sulh*, dalil-dalil pensyariatan *sulh*, beberapa contoh kes pelaksanaan *sulh* dalam Islam, rukun-rukun *sulh*, serta melihat pelaksanaannya di bawah sistem perundangan Syariah Malaysia. Dalam artikel ini, perbincangan juga merangkumi kes-kes yang sesuai dirujuk ke *Majlis Sulh* dan peranan mekanisme ini dalam mempromosikan keadilan serta keharmonian dalam masyarakat. Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen telah digunakan, di mana data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk subtema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *sulh* di bawah sistem perundangan Syariah di Malaysia kini walaupun hanya tertumpu kepada isu undang-undang keluarga Islam, tetap dipandu oleh tatacara dan perundangan yang sistematik. Namun, terdapat ruang untuk memperluaskan skop pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Kajian ini juga menegaskan kepentingan *sulh* dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 16 (Kedamaian, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh) melalui pengukuhan institusi perundangan yang adil dan inklusif, serta SDG 5 (Kesaksamaan Gender) dengan memberi perhatian kepada penyelesaian isu berkaitan hak wanita dalam kes kekeluargaan.

**Kata Kunci:** *Sulh, Majlis Sulh, perundangan Syariah Malaysia, konflik dan pertikaian, pelepasan*

## Pengenalan

Islam sebagai agama yang menyeluruh menyediakan panduan lengkap dalam semua aspek kehidupan, termasuk cara menangani konflik dan pertikaian. Islam juga bukan sahaja menekankan keadilan dalam menyelesaikan pertikaian tetapi juga mementingkan keharmonian dan hubungan baik antara pihak-pihak yang terlibat (Hashim et al., 2024). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip maqasid syariah, yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Alias et al., 2024). Oleh itu, pelaksanaan mekanisme seperti *sulh* mencerminkan nilai-nilai Islam serta keberkesannya sebagai kaedah penyelesaian konflik yang relevan dalam konteks dunia moden.

Secara umumnya, pertikaian dan konflik adalah fenomena biasa dalam kehidupan manusia. Konflik sering timbul akibat ketegangan atau perselisihan pendapat, hak, dan kepentingan. Untuk menangani isu ini, Islam memperkenalkan pelbagai kaedah penyelesaian yang kini dikenali dalam istilah moden sebagai *Alternative Dispute Resolution* (ADR). Walaupun ADR sering dianggap berasal dari Barat, pendekatan ini sebenarnya telah lama diterapkan dalam ajaran Islam dan menjadi sebahagian daripada undang-undang Islam (Hassan, 2010).

Dalam konteks penyelesaian konflik, hakim digalakkan memulakan proses dengan mendorong pihak-pihak bertikai untuk mencari penyelesaian secara damai (Hak, 2007). Hal ini menonjolkan keutamaan Islam terhadap kaedah harmoni dalam menyelesaikan konflik. *Sulh*, sebagai salah satu mekanisme utama yang dianjurkan, diaplikasikan bukan sahaja dalam isu kekeluargaan tetapi juga dalam hubungan masyarakat dan antarabangsa (Azahari, 2008). *Sulh* bukan sekadar alat penyelesaian konflik, tetapi ia turut berperanan memelihara hubungan baik antara pihak-pihak yang terlibat. Tidak seperti litigasi di mahkamah yang sering menimbulkan ketegangan, proses *sulh* lebih sesuai untuk kes-kes kekeluargaan seperti perceraian, tuntutan nafkah, hadhanah, dan harta sepencarian. Ini kerana ia mengambil kira sensitiviti dan dinamika hubungan kekeluargaan (Yaakob et al., 2016).

Justeru, artikel ini akan membincangkan secara terperinci beberapa aspek penting berkaitan *sulh*, termasuk konsepnya, dalil-dalil pensyariatan, rukun-rukun yang diperlukan, serta contoh pelaksanaannya dalam Islam dan sistem perundangan Syariah di Malaysia. Artikel ini turut mengupas kes-kes yang sesuai dirujuk ke *Majlis Sulh* dan peranan mekanisme ini dalam mempromosikan keadilan serta keharmonian dalam masyarakat.

## Penyelesaian Konflik melalui Pendekatan *Sulh* menurut Perpektif Islam

Penyelesaian konflik merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat. Islam sebagai agama yang mengutamakan keadilan, keharmonian, dan persaudaraan telah menyediakan pelbagai mekanisme bagi mencapai tujuan tersebut. *Sulh*, atau penyelesaian secara damai, adalah salah satu pendekatan utama yang diiktiraf oleh Islam untuk menangani pertikaian dengan cara yang adil dan tanpa perlu melibatkan litigasi formal. Konsep ini bukan sahaja relevan dalam konteks masyarakat tradisional tetapi juga dalam dunia moden, di mana penyelesaian konflik secara harmoni semakin mendapat tempat.

Pada asasnya, penyelesaian pertikaian secara damai tanpa melibatkan institusi pengadilan formal seperti mahkamah telah menjadi amalan tradisi dalam kalangan masyarakat dunia sejak zaman dahulu. Sejarah mencatatkan bahawa pelbagai tamadun seperti Ponisia, Rom, Greek, Hindu, Yahudi, Kristian, Cina, dan Muslim menggunakan aturan agama dan adat sebagai panduan untuk menyelesaikan konflik sivil. Campur tangan mahkamah hanya akan berlaku apabila usaha penyelesaian secara tidak formal menemui jalan buntu dan keadilan tidak dapat dicapai tanpa bantuan proses litigasi (Azhari, 2009).

Dalam masyarakat sebelum kedatangan Islam, ketika institusi pengadilan formal belum wujud, penyelesaian pertikaian lazimnya melibatkan pengantara atau *wasit* yang dilantik oleh pihak-pihak bertikai. Proses ini bersifat *ad hoc* dan berpusat pada pemilihan tokoh yang dihormati dalam kalangan suku atau kabilah. Tokoh ini, yang dikenali sebagai *hakam*, biasanya dipilih berdasarkan wibawa, sifat adil, dan kuasa yang dipercayai melampaui kebiasaan (Hashim et al., 2024; Azhari, 2009). Namun, proses ini sering kali tidak berlandaskan prinsip keadilan yang sejati, kerana keutamaan lebih diberikan kepada sistem sosial berasaskan kekuasaan dan pengaruh.

Selain itu, sejarah menunjukkan bahawa masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam juga mengamalkan *sulh* sebagai mekanisme penyelesaian konflik. Salah satu peristiwa terkenal ialah penyelesaian pertikaian mengenai siapa yang berhak meletakkan kembali batu *hajar al-aswad* ke tempat asalnya. Dalam kes ini, Nabi Muhammad SAW, sebelum dilantik menjadi Rasul, bertindak sebagai *hakam* yang berjaya menyelesaikan konflik tersebut secara damai dan tanpa pertumpahan darah (al-Buti, 2015).

*Sulh* dalam Islam merupakan satu mekanisme perdamaian yang diiktiraf dan digalakkan. Kaedah ini tidak hanya bertujuan menyelesaikan pertikaian tetapi juga menghilangkan dendam serta mengukuhkan hubungan antara pihak-pihak yang terlibat, terutama jika melibatkan ahli keluarga. Islam menekankan *sulh* berdasarkan dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, dan Ijma' ulama (al-Khin et al., 1998). Proses *sulh* menepati konsep keadilan dan keikhlasan, di mana pihak-pihak yang terlibat berusaha mencapai perdamaian secara sukarela tanpa sebarang tekanan (Ramli et al., 2020).

*Sulh* juga mempunyai pelbagai aplikasi dalam kehidupan. Para *fuqaha* membincangkan *sulh* sebagai kaedah penyelesaian pertikaian yang meliputi aspek keluarga, masyarakat, dan hubungan antarabangsa. Kategori *sulh* termasuklah penyelesaian antara Muslim dan bukan Muslim melalui akad seperti *al-zimamah*, *al-hudnah*, dan *al-aman*, *sulh* antara pemerintah dan pemberontak, *sulh* antara suami dan isteri yang menghadapi konflik rumah tangga, serta *sulh* dalam pertikaian mengenai harta atau muamalat (al-Ramli, 1984). Pendekatan yang fleksibel ini menunjukkan bahawa *sulh* bukan sekadar satu mekanisme penyelesaian konflik, tetapi juga satu instrumen untuk memperkukuh nilai-nilai persaudaraan dan keadilan dalam masyarakat.

Dalam konteks moden, *sulh* memiliki potensi besar untuk dikembangkan dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang keluarga, muamalat, dan konflik sosial. Dengan penyempurnaan proses dan pelaksanaan yang lebih luas, *sulh* mampu menjadi instrumen penting dalam menyelesaikan pertikaian secara efektif, sekaligus menonjolkan keindahan dan keadilan ajaran Islam.

### Konsep *Sulh*

Dari segi bahasa, *sulh* membawa maksud *qat'u an-niza'*, iaitu menamatkan pertikaian (Abd al-Wahid Ibn al-Hummam, t.th.). Dalam *Lisan al-Arab*, Ibnu Manzur mendefinisikan *sulh* sebagai kata nama daripada *al-musalahah* yang bermaksud damai (*al-silm*), manakala lawannya ialah *al-mukhasamah*, yang bermaksud bermusuhan atau bertikai (Ibnu Manzur, 1990). Dari sudut syarak, *sulh* ditakrifkan sebagai suatu akad yang bertujuan untuk menamatkan pertikaian antara dua pihak yang bertikai (al-Hummam,

t.th.) atau suatu persetujuan yang dicapai bagi menyelesaikan persengketaan melalui permuafakatan tanpa paksaan (al-Khin et al., 1998).

Dalam tradisi fiqh, para fuqaha mazhab utama memberikan definisi yang sedikit berbeza tetapi tetap berasaskan prinsip yang sama. Fuqaha Mazhab Syafie mendefinisikan *sulh* sebagai akad yang menyelesaikan pertikaian. Mazhab Hanbali melihat *sulh* sebagai akad yang membawa kepada perdamaian dan persetujuan bersama antara pihak yang bertikai. Mazhab Maliki pula mengembangkan konsep ini dengan menyatakan bahawa *sulh* bukan sahaja menamatkan pertikaian yang telah berlaku, tetapi juga potensi pertikaian yang mungkin timbul di masa hadapan (al-Hummam, t.th.).

Daripada pelbagai definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa *sulh* adalah penyelesaian pertikaian melalui rundingan damai secara sukarela. Proses ini tidak melibatkan paksaan atau tekanan dari pihak ketiga, dan bergantung sepenuhnya kepada kerelaan pihak-pihak yang bertikai untuk mencapai persetujuan bersama. Proses ini memberikan ruang kepada pihak-pihak yang bertelagah untuk menyelesaikan isu secara konstruktif dan harmoni, tanpa perlu melalui proses perbicaraan mahkamah (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, 2016).

*Sulh* juga melibatkan pelbagai pendekatan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, termasuk rundingan terpinpin. Namun, jika pihak-pihak yang bertikai tidak mampu bertolak ansur atau mementingkan kepentingan individu, *sulh* tidak akan dapat dicapai (Azahari, 2008). Dalam hal ini, keikhlasan dan niat untuk menyelesaikan pertikaian secara damai adalah elemen penting dalam proses *sulh*.

Dalam konteks amalan di mahkamah syariah, *Majlis Sulh* adalah platform rasmi di mana pihak-pihak bertikai dipertemukan untuk mencapai penyelesaian secara damai. Proses ini dipandu oleh prosedur yang telah ditetapkan oleh mahkamah, dan hasil daripada majlis tersebut boleh direkodkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui perbicaraan biasa (Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, 2016). *Majlis Sulh* menjadi ruang rasmi yang membolehkan rundingan terpinpin berlangsung dalam suasana yang terkawal dan teratur.

Dalam era moden, konsep *sulh* sering dibandingkan dengan mediasi, iaitu proses mencapai persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai dengan bantuan pihak ketiga yang dikenali sebagai mediator (Boullé & Hwee, 2000). Namun, berbeza dengan mediasi, *sulh* lebih menekankan pada elemen kerelaan dan keikhlasan tanpa pengaruh luar yang signifikan. Kaedah ini menunjukkan keunikan *sulh* sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian yang selari dengan prinsip keadilan Islam dan keperluan moden.

Melalui pemahaman mendalam terhadap definisi dan konsep ini, *sulh* dapat dilihat bukan sekadar sebagai alternatif kepada litigasi, tetapi juga sebagai mekanisme yang menekankan nilai persaudaraan dan keharmonian dalam masyarakat Islam.

### **Dalil-Dalil Pensyariatan *Sulh* dalam Islam**

Kaedah rundingan atau *sulh* bukanlah perkara baharu dalam sistem pengadilan Islam. Ia telah diamalkan sejak zaman pra-Islam dan terus diaplikasikan dalam sejarah umat Islam sebagai salah satu mekanisme penyelesaian konflik yang dianjurkan. Pensyariatan *sulh* adalah jelas, bersandarkan dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, dan Ijmak ulama.

#### ***Dalil daripada al-Quran***

- i. Surah An-Nisa' (4:128):

Terjemahan: “Dan jika seorang perempuan bimbang (akan timbul) daripada suaminya nusyuz (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan”.

(Surah An-Nisa', 4:128)

ii. Surah An-Nisa' (4:114):

Terjemahan: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan daripada orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian karena mencari keredhaan Allah, maka kelak Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar”.

(Surah An-Nisa', 4:114)

iii. Surah Al-Hujurat (49:9):

Terjemahan: “Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang, hendaklah kamu damaikan antara keduanya. Akan tetapi sekiranya salah satu pihak daripada mereka melanggar perjanjian terhadap yang lain, hendaklah yang melanggar perjanjian itu kamu perangi sehingga mereka mematuhi kembali perintah Allah. Dan jika ia sudah kembali patuh, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), dan hendaklah kamu berlaku adil (dalam segala perkara), sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”.

(Surah al-Hujurat, 49:9)

***Dalil daripada Sunnah***

Rasulullah SAW turut menganjurkan *sulh* melalui sabdanya:

Terjemahan: “*Sulh* harus antara sesama manusia kecuali *sulh* yang mengharamkan perkara yang halal atau menghalalkan perkara yang haram. Orang Islam selalu diikatkan dengan syarat-syaratnya kecuali syarat yang mengharamkan perkara yang halal dan menghalalkan perkara yang haram”.

(Hadith Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini menunjukkan bahawa *sulh* yang dilakukan secara ikhlas dan tidak melanggar batas syarak adalah sangat dianjurkan dalam Islam.

***Ijmak Para Ulama***

Para ulama telah sepakat bahawa *sulh* adalah satu akad yang mendatangkan manfaat besar kepada masyarakat. Kesepakatan ini berdasarkan dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah, seperti yang telah dijelaskan. Menurut para ulama, *sulh* dapat memupuk keharmonian dan perdamaian dalam masyarakat, sekaligus mengurangkan keperluan perbicaraan dan hukuman formal di mahkamah (Ab. Rahman, 2000).

Berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, hadis, dan ijmak ulama, jelas bahawa *sulh* merupakan mekanisme penyelesaian konflik yang diterima dan dianjurkan dalam Islam. Pensiaryatan *sulh* menunjukkan bahawa Islam menitikberatkan nilai perdamaian, keadilan, dan keikhlasan dalam menyelesaikan pertikaian. Ia bukan sahaja menjadi alternatif kepada proses litigasi, tetapi juga menekankan pendekatan yang lebih harmoni dan mengutamakan hubungan baik antara pihak-pihak yang bertikai. Dengan pelaksanaan *sulh*, Islam mendorong umatnya untuk menyelesaikan perselisihan secara bijaksana dan damai, selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum syarak. Hal ini sekali gus mengukuhkan kesejahteraan masyarakat dan mengurangkan ketegangan sosial yang boleh timbul akibat pertikaian yang berpanjangan.

***Rukun-Rukun Sulh***

Untuk menentukan kesahan sesuatu akad *sulh*, beberapa rukun asas perlu dipenuhi. Majoriti ulama' menggariskan empat rukun *sulh* atau perdamaian (al-Khin et al., 1998) seperti berikut:



**Rajah 1.** Rukun-rukun *Sulh* yang terlibat

### ***Pihak-pihak yang berunding/ingin berdamai***

Pihak-pihak mestilah seorang yang *mukallaf*, *baligh* dan berakal. Pihak-pihak ini juga mesti mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Perkara yang ingin diselesaikan juga mestilah tidak menyebabkan kemudaratan yang ketara serta bertentangan dengan undang-undang. Pihak-pihak juga tidak boleh membuat rundingan serta keputusan bagi pihak orang lain tanpa mendapat kebenaran daripada mereka.

### ***Sighah***

Perlu ada penawaran dan penerimaan persetujuan bersama atau *ijab* (tawaran) dan *qabul* (penerimaan) atau apa juga lafaz atau *sighah* yang boleh memberi pengertian perdamaian atau penyelesaian yang dilakukan secara sukarela.

### ***Hak yang dipertikaikan***

Perkara yang ingin didamaikan atau dicapai persetujuan mengenainya mestilah mencakupi hak manusia sama ada dalam bentuk harta seperti wang tunai atau hak bukan harta seperti manfaat, giliran bermalam atau *Qisas*. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara yang ingin didamaikan adalah berkaitan dengan hak Allah seperti mengelakkan atau meringankan hukuman bagi kesalahan Hudud, maka rundingan tersebut adalah tidak sah dan tidak terpakai. Selain itu, perkara yang ingin dirundingkan juga mesti di bawah kuasa atau pemilikan pihak-pihak.

### ***Gantian terhadap hak yang dipertikaikan***

Untuk membolehkan sesuatu persetujuan boleh dicapai, perlu ada gantian terhadap objek yang dipertikaikan sama ada berbentuk bayaran, pampasan, hak melakukan sesuatu seperti hak melawat dalam isu berkaitan hak hadanah. Gantian atau pertukaran ini perlu mengikut syarat seperti berikut:

- i. Ia mestilah sesuatu yang diboleh atau dibenarkan syarak;
- ii. Gantian atau pertukaran ini mestilah sesuatu yang dimiliki oleh pihak-pihak berkaitan dan;
- iii. Gantian atau pertukaran ini mestilah sesuatu yang dimaklumi dan diperakui oleh pihak-pihak berkaitan.

### **Kes Pelaksanaan *Sulh* dalam Islam**

Terdapat banyak kes yang menunjukkan *sulh* telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat untuk menyelesaikan pertikaian. Salah satu contoh yang signifikan adalah konflik peletakan Hajar al-Aswad. Rasulullah SAW bertindak sebagai pengantara (mediator) dalam menyelesaikan konflik di kalangan pembesar Quraisy. Penyelesaian ini berjaya mencapai keharmonian dan mengelakkan konflik yang lebih besar (Hashim et al., 2021).

Banyak riwayat menunjukkan Rasulullah SAW sangat menggalakkan amalan *sulh* kepada pihak yang bertikai, menjadikan hukuman sebagai pilihan terakhir sekiranya *sulh* gagal (Azahari, 2009). Sebagai contoh, dalam pertikaian antara al-Zubayr bin al-‘Awwam dan seorang lelaki Ansar mengenai saluran air, Rasulullah SAW mencadangkan penyelesaian secara *sulh* bagi memastikan keadilan kepada kedua-dua pihak. Walaupun defendan akhirnya menolak *sulh*, Rasulullah SAW membuat keputusan berdasarkan hak-hak plaintif yang sah (Azahari, 2008; al-Bukhari, t.th.).

Pada zaman Khulafa’ al-Rasyidin, amalan *sulh* terus diamalkan. Sebagai contoh, pada zaman Saidina Umar al-Khattab, beliau menggariskan prinsip pentadbiran kehakiman dalam Risalah al-Qada’ yang menekankan keharusan *sulh*. Prinsip ini juga diikuti oleh Saidina Uthman. Namun, pada zaman Saidina Ali, *sulh* telah diperluaskan kepada penyelesaian pertikaian politik, termasuk dalam peralihan kuasa kepada sistem pemerintahan dinasti Bani Umayyah (Azahari, 2008).

### **Pelaksanaan *Sulh* dalam Sistem Perundangan Syariah di Malaysia**

#### ***Sejarah Awal Sulh di Malaysia***

Perundangan Syariah di Malaysia mengatur hal-hal berkaitan hukum Islam dan dijalankan oleh Mahkamah Syariah, meliputi urusan peribadi seperti perkahwinan, perceraian, *hadhanah*, nafkah, faraid, dan jenayah Syariah tertentu. Pelaksanaan *sulh* bermula pada tahun 1970-an apabila jawatan Pegawai Penasihat Wanita diwujudkan untuk membantu Kadi dalam proses pra perbicaraan. Ini menjadi langkah awal dalam mempromosikan penyelesaian pertikaian secara damai.

Pada tahun 1990-an, *sulh* mula diperuntukkan secara rasmi dalam Kanun Acara Mal negeri-negeri, menandakan pengiktirafan terhadap mekanisme ini dalam sistem perundangan Syariah. Perkembangan besar berlaku pada tahun 2001 dengan penggubalan Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan, disusuli dengan pewujudan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Sulh di Selangor.

#### ***Institusi dan Prosedur Pelaksanaan Sulh***

Pada tahun 2002, Unit *Sulh* ditubuhkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri, diikuti dengan pengambilan Pegawai *Sulh*. Seksyen *Sulh* di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada tahun 2008 untuk menyelia perjalanan kes-kes *sulh* di seluruh negara. Seksyen ini bertanggungjawab memastikan kelancaran pengurusan kes, menyelia statistik bulanan, dan menganjurkan program seperti *Outreach Sulh* untuk kesedaran awam.

Manual Kerja Sulh 2002 dikeluarkan untuk memberikan panduan terperinci kepada Pegawai *Sulh*. Manual ini merangkumi prosedur seperti persediaan sebelum sesi, kaedah perbincangan, dokumentasi hasil, dan langkah mengatasi halangan. Dengan adanya manual ini, pelaksanaan *sulh* menjadi lebih konsisten, efisien, dan telus.

#### ***Arahan Amalan dan Kaedah Tatacara Mal (Sulh)***

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 dan kaedah-kaedah tatacara mal negeri-negeri menyediakan garis panduan rasmi untuk memastikan *sulh* dijalankan secara teratur dan selaras dengan prinsip keadilan Islam. Arahan ini menetapkan prosedur seperti tatacara pelaksanaan *sulh*, peranan Pegawai Sulh, pengendalian kes, dan rekod hasil sesi. Dengan ini, kes-kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan mengurangkan beban mahkamah.

Melalui sistem yang teratur ini, Mahkamah Syariah dapat menawarkan penyelesaian alternatif yang menjimatkan masa dan kos, sekali gus memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap institusi kehakiman Islam. Kejayaan pelaksanaan *sulh* juga membuktikan keupayaan undang-undang Syariah untuk berkembang mengikut keperluan semasa tanpa menjejaskan prinsip asas Islam.

Pelaksanaan *sulh* dalam sistem perundangan Syariah di Malaysia mencerminkan komitmen terhadap prinsip Islam dalam menyelesaikan pertikaian secara damai dan adil. Bermula daripada sejarah Rasulullah SAW dan para sahabat, sehingga ke perkembangan institusi formal di Malaysia, *sulh* terus relevan dalam mengurangkan konflik dan memastikan keadilan ditegakkan. Dengan prosedur yang jelas dan institusi

yang kukuh, *sulh* bukan sahaja memudahkan proses penyelesaian pertikaian tetapi juga menyumbang kepada keharmonian sosial dan keyakinan terhadap sistem keadilan Syariah.

### Kes-Kes yang Boleh Dirujuk ke *Majlis Sulh*

Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke *Majlis Sulh* Pada Peringkat Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa kes-kes berikut perlu dirujuk ke *Majlis Sulh* semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah (rujuk Jadual 1 di bawah):

**Jadual 1.** Senarai Kes yang Boleh Dirujuk ke *Majlis Sulh* Menurut Arahan Amalan JKSM 1/2010

No.	Kod Kes	Jenis Tuntutan
1.	009	Tuntutan Ganti rugi Pertunangan
2.	016	Tuntutan Muta'ah
3.	017	Tuntutan Harta Sepencarian
4.	018	Tuntutan Nafkah Isteri
5.	019	Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
6.	020	Tuntutan Cagaran Nafkah
7.	021	Tuntutan Nafkah Eddah
8.	022	Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
9.	023	Tuntutan Tunggakan Nafkah
10.	024	Tuntutan Nafkah Anak
11.	025	Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
12.	026	Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
13.	028	Tuntutan Hadhanah
14.	049	Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
15.	059	Tuntutan Hak Tempat Tinggal
16.	060	Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
17.	062	Tuntutan Isteri Kembali Taat
18.	063	Tuntutan Mas Kahwin

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 menetapkan bahawa kes-kes yang berpotensi diselesaikan melalui rundingan dan persetujuan bersama antara pihak-pihak bertikai boleh dirujuk ke *Majlis Sulh* sebelum dibawa ke perbicaraan penuh di mahkamah. Pendekatan ini bertujuan untuk mempromosikan penyelesaian yang cepat, kos efektif, dan damai, sesuai dengan prinsip perdamaian dalam undang-undang Syariah.

### Kepentingan *Sulh* dalam Sistem Perundangan Syariah

Pelaksanaan *sulh* telah membantu mempercepatkan penyelesaian kes dan mempromosikan perdamaian dalam masyarakat. Keberkesanan *sulh* dalam sistem perundangan Syariah juga telah menunjukkan bahawa ia adalah mekanisme yang sejajar dengan prinsip Islam, memberi keutamaan kepada penyelesaian secara damai sebelum mengambil tindakan undang-undang formal. Dengan sokongan prosedur yang jelas dan institusi yang mantap, *sulh* terus memainkan peranan penting dalam sistem keadilan Syariah di Malaysia. Pelaksanaan *sulh* dalam sistem perundangan Syariah di Malaysia mencerminkan usaha berterusan untuk menegakkan keadilan melalui penyelesaian secara damai. Dengan sokongan institusi, prosedur yang tersusun, dan pengiktirafan formal, *sulh* telah menjadi mekanisme penting dalam menyelesaikan pelbagai jenis pertikaian. Perkembangan ini tidak hanya mempercepatkan proses pengadilan tetapi juga memperkukuhkan nilai-nilai harmoni dan perdamaian dalam masyarakat Islam di Malaysia.

### Kesimpulan

Pertikaian dan perselisihan adalah perkara lumrah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Sejarah perundangan memperlihatkan pelbagai kaedah untuk menyelesaikan pertikaian, dan Islam telah menentang *sulh* sebagai salah satu cara utama untuk menegakkan keadilan dan menyelesaikan konflik. Dalil pensyariat *sulh* sangat jelas melalui nas al-Quran, al-Hadis dan ijmak ulama'. Pelaksanaannya dapat dilihat sejak zaman Rasulullah SAW sehingga pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin.



Melalui kaedah *sulh*, pertikaian dapat diselesaikan dengan persetujuan damai antara pihak-pihak yang bertelagah tanpa melalui proses litigasi yang rumit, mahal, dan memakan masa. *Sulh* yang dianjurkan Islam sangat luas skopnya dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk pertikaian selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak. Di Malaysia, pelaksanaan *sulh* telah berlangsung sejak sebelum zaman penjajahan dan terus diperkukuhkan hingga kini. Walaupun tumpuan utamanya pada penyelesaian pertikaian keluarga, mekanisme ini disokong oleh peruntukan undang-undang yang sistematik. Ia sentiasa ditambah baik untuk memastikan relevansi dan keberkesanannya sebagai penyelesaian alternatif dalam sistem perundangan Syariah. *Sulh* mencerminkan komitmen terhadap keadilan dan perdamaian, sejajar dengan tuntutan syarak dan keperluan masyarakat moden.

## Rujukan

- Al-Quran.
- Adzidah, Y., Zakaria, M. Z., Ahmad, A., Mohd, K. W., & Ab. Halim, M. A. (2016). *Pengenalan dan keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Bukari, A. A. M. I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadharah.
- Al-Buti, M. S. R. (2015). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah ma'a Mujiz li tarikh al-Khilafah al-Rasyidah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Hummam, A. K. A. M. A. I. (n.d.). *Takmilah Syarh Fath al-Qadir ala-al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi li al-Marghinani* (Vol. 8). Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of Shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Syarbaji, A. (1988). *Al-Fiqh al-Manhajiy* (Vol. 3). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Ramli, M. A. B. H. S. (1984). *Nihayat al-Muhtaj* (Vol. 4). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 (Kod Pendaftaran Kes). (2000). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 (Penentuan Kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes). (2010). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 (Pemakaian Sulh). (2002). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Azahari, R. (2008). *Sulh dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azahari, R. H. (2009). Sulh dalam perundangan Islam. In N. Mohd Zin et al. (Eds.), *Undang-Undang Keluarga dan Prosedur* (pp. xx–xx). Gombak, Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam.
- Boulle, L., & Hwee, T. H. (2000). *Mediation: Principles, process and practice*. Singapore: Butterworth Asia.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03).
- Hak, N. A. (2007). Sulh dan hakam dalam penyelesaian kes keluarga. In N. M. Z. et al. (Eds.), *Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Alias, M. A. A., Zakiyy, N., & Jusof, N. (2024). Concept of Sulh in Islam and its implementation in the Syariah legal system in Malaysia. *International Conference on Syariah, Law and Science (CFORSJ I-CONF)*, 2(1), 1–12. <https://alnadwah.usim.edu.my/cforsjiconf/paper/view/62>
- Hasnizam, H., Maizatul Farishah, M. M., & T'chiang, N. Z. C. J. (2021). Mekanisme pelaksanaan Majlis Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. In *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan, K. H. (2010, November 2–3). Peranan konsiliasi, mediasi dan timbang tara dalam penyelesaian pertikaian perusahaan: Pendekatan Islam dan sivil. Paper presented at the *Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan (SYUK) 2010*, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibnu, M. (1990). *Lisan al-Arab* (Vol. 2). Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2000). *Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 (Kod Pendaftaran Kes)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2002). *Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 (Pemakaian Sulh)*.

- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2003). *Arahan Amalan No. 7 Tahun 2003 (Cara menyimpan dan melupuskan catatan Pegawai Sulh)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2003). *Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2005). *Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005 (Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah merekodkan sulh dan persetujuan bersama)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2006). *Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2010). *Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 (Penentuan Kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2011). *Arahan Amalan No. 4 Tahun 2011 (Kesan Perjanjian Sulh)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). *Arahan Amalan 2015 (Penyeragaman Proses Kerja dan Carta Aliran Sulh di JKSN/MSN seluruh Malaysia)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). *Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015 (Penyerahan Notis Sulh secara Akuan Penerimaan Pos Berdaftar (A.R. Registered))*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (n.d.). *Pekeliling Ketua Hakim Syarie: Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2016). *Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan*.
- Madkur, M. S. (1964). *Al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Rahman, S. G. A. (2000). Sulh dan hakam dalam undang-undang keluarga Islam. In A. M. Yaacob (Ed.), *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN* (pp. xx–xx). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Rahman, S. G. H. A. (2001). Penyelarasan kaedah Majlis Sulh. *Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, 14(1), 1–7.
- Zuhdi, M. A. M. (1998). *Sejarah pembinaan hukum Islam* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.